

Inovasi Biomem

Penyelidik UMP cipta penapis air berfungsi pembersihan kendiri

BH (beritaHarian.com.my) Edisi 2/7/07 hal. 14 § 15

R & D

Oleh Rosniza Mohd Taha
rosniza@beritaHarian.com.my

PELBAGAI jenis penapis air import berada di pasaran ketika ini dan antaranya mencecah harga ribuan ringgit walaupun ia hanya berfungsi untuk menapis air minuman.

Bergantung kepada jenis penapis dipakai, rutin mempersih atau mengganti alat itu perlu dilakukan secara mingguan atau bulanan kerana apabila kotoran atau benda asing terkumpul di permukaan atau membran penapis, keberkesanannya fungsi berkurangan dan air yang keluar daripada paip semakin perlahan.

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu Dr Zularisam Ab Wahid, Prof Dr Ideris Zakaria, Abdul Syukor Ab Razak dan Dr Mimi Sakinah Ab Munaim mencipta penapis yang berfungsi dengan lebih berkesan dan lebih menjimatkan iaitu Biomem.

Zularisam berkata, tiga ciri unik penapis itu memberi ia kelebihan ketara berbanding penapis konvensional iaitu membran dengan liang sekecil enam nanometer (nm), fungsi pembersihan kendiri dan jangka hayat

selama lama tahun sebelumnya pelebur ditukar.

"Walaupun air disalurkan ke dalam bekalan Air sudah dirawat, ia perlu dimasak dahulu. Membran diminum kecuali berpotensi mengandungi bahan asing merugikan dan bahaya. Algae dan mikroorganisma bersaiz 20 hingga 100 nm, menyakai penapis air arah hanya mempunyai berlapisan sekilas yang boleh menghalang benda asing ini yang boleh kibarkan penyakit menga-

“Penghasilan penapis berkeupayaan tinggi ini bukan saja mampu mengurangkan pengantungan terhadap alat import, sebaliknya teknologi tempatan ini berpotensi dibangunkan untuk pasaran eksport juga”

Dr Zularisam Ab Wahid
Penyelidik Universiti Malaysia Pahang

kronik terutama jika dimakan dalam jangka masa panjang.

"Dengan liang sekecil 6 nm pada membran penapis yang dihasilkan UMP iaitu empat kali secara relatif lebih kecil daripada virus dan 16 kali lebih kecil dari saiz bakteria, ia mampu menghalang kebanyakannya bahan asing lalu menghasilkan air yang boleh terus diminum tanpa perlu dimasak," katanya ketika ditemui di UMP, Gambang, Kuantan.

Zularisam berkata kajian dibuat di Taman Mahkota Aman, Gambang, Kuantan menunjukkan penapis air konvensional dipasang pada paip air utama rumah berlakar daripada warna putih kepada coklat gelap dalam tempoh sembilan hari saja kerana bahan asing dan kotoran menyelipiti membran penapis.

Menggunakan Biomem, katanya, kualiti air diselikkan pada kadar 0.1 Nephelometric Turbidity Units (NTU) serta kejernihan warna antara satu hingga dua hazen unit (HU) iaitu jauh melangkasai piawai air minuman bersih dan selamat, maxima-masing pada kadar 5 NTU dan 20 HU.

Malah, katanya, dalam tempoh sembilan hari kajian, warna Biomem kekal putih kerana ia mempunyai fungsi pembersihan kendiri



MEMBRAN penapis air hasil inovasi penyelidik UMP yang mempunyai liang sekecil 6 nanometer mampu menahan kebanyakannya bahan asing termasuk virus, sekaligus membolehkan air terus diminum tanpa dimasak.

menggunakan ciri cas negatif yang membolehkan ia menolak bahan asing yang kebanyakannya juga bersifat negatif daripada melekat pada membran penapis.

"Bagi penghasilan penapis ini, formulasi yang seimbang antara bahan kimia yang stabil dan tidak menghasilkan bahan sampingan beraksara digunakan termasuk polimer dan pelarut.

"Gabungan antara polimer polysulfone atau polyether sulfone dan bahan tambahan seperti poly vinyl pyrrolidone akan menghasilkan cas negatif (retentive potential) pada

permukaan membran bagi membolehkan ia menghalang serta mendiskriminasikan bahan asing berdasarkan saiz dan cas yang sama, sekaligus tidak memerlukan pengguna maklumat rutin penggantian atau pembersihan penapis kerana ia sudah mempunyai fungsi pembersihan secara sendiri."

"Penghasilan penapis berkeupayaan tinggi ini bukan saja mampu mengurangkan pengantungan terhadap alat import, sebaliknya teknologi tempatan ini berpotensi dibangunkan untuk pasaran eksport juga," katanya.

Kos penghasilan penapis itu, katanya, pada kadar RM14 setiap meter persegi iaitu lima kali lebih murah berbanding penapis air import pada kadar kira-kira RM100.

Inovasi Biomem mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan penerimaan pingat perak pada pameran penyelidikan BioMalaysia 2008, International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA 2008), di Nuremberg, Jerman dan Ekspo Teknologi Malaysia tahun ini.